




**BULETIN MAJLIS DAERAH
MARAN
EDISI 3/2016**

JULAI - SEPTEMBER



25 Ogos 2016 - Majlis Daerah Maran telah menganjurkan taklimat berkaitan pelaksanaan EKSA pada 25 Ogos 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama MDM.

Taklimat berkenaan telah disampaikan secara berkesan dan bersemangatnya oleh Puan Suhaila binti Shahudin yang bertugas di JPJ Cawangan Temerloh selaku penceramah EKSA.

Taklimat selama empat (4) jam itu telah memberi semangat dan membuka minda kakitangan MDM untuk melaksanakan EKSA kerana mendapati impak daripada sistem tersebut adalah amat besar kesannya kepada perjalanan sistem kerja yang lebih baik dan teratur.

Taklimat MDM Menuju EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam)



Antara Peserta Taklimat 'MDM Menuju EKSA '

Taklimat Kesihatan dan Pemeriksaan Berkala Kakitangan Majlis Daerah Maran

Pemeriksaan Kesihatan berkala bagi Kakitangan Majlis Daerah Maran khususnya bagi kakitangan yang berumur 40 tahun telah diadakan pada 19 Ogos 2016 di Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Maran.

Program dimulakan dengan taklimat oleh Dr Zu dari Pejabat Kesihatan Daerah Maran seterusnya diikuti dengan pemeriksaan kesihatan yang turut dibantu oleh sukarelawan KOSPEN dari Majlis Daerah Maran dan kakitangan Klinik Kesihatan Daerah Maran.

Didalam taklimat yang disampaikan, Majlis Daerah Maran telah diumumkan sebagai salah satu agensi perintis bagi agensi kerajaan di dalam program KOSPEN .

